

Masalah pembantu rumah dengan majikan

BH 4/3/00

Oleh Prof Dr Fatimah Daud

AKHIR-AKHIR ini heboh diperkatakan mengenai penderaan pembantu rumah asing oleh majikan rakyat Malaysia. Ini boleh menjejaskan hubungan dua negara yang berjiran. Tidak ramai pula yang mengetahui masalah yang dihadapi majikan akibat ancaman dan kelakuan pendatang asing, juga eksploitasi agensi pembantu rumah asing.

Masalah pembantu rumah semakin meruncing sekiranya dasar atau peraturan yang ada tidak dapat menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh pembantu rumah asing, majikan dan ejen pembantu rumah asing.

Setakat ini, kajian terperinci mengenai latar belakang pembantu rumah, sikap mereka terhadap pekerjaan, tujuan mereka datang bekerja tidak banyak dilakukan. Andaian dibuat hanya berdasarkan anggapan semata-mata.

Jika penderaan dilakukan oleh majikan, seringkali majikan dipersalahkan. Kesalahan pembantu rumah asing juga perlu disiasat dan diselidik serta dianalisis untuk mencari punca yang menyebabkan majikan bersikap ganas.

Rata-rata kajian rambang menunjukkan kebanyakan (90 peratus) pembantu rumah asing yang datang ke Malaysia adalah mereka yang bermasalah di kampung halaman. Misalnya, 90 peratus daripada diceraikan oleh suami atau suami berkahwin lain. Ini jelas menunjukkan mereka memang bermasalah dan tidak dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan di kampung. Kebanyakannya masih muda.

Sikap pembantu rumah asing yang suka menukar majikan dan pekerjaan tanpa menghiraukan kehilangan permit dan pasport walaupun ada surat perjanjian dengan majikan, adalah sesuatu yang amat dikesali

lumnya. Ada antaranya tidak dapat menyesuaikan diri dengan kerja rumah tangga yang kadangkala menggunakan pelbagai peralatan moden seperti ketuhar, mesin basuh dan lain-lain, di samping penyesuaian dengan perangai dan kehahuan majikan.

Apabila penyesuaian tidak dapat dilakukan, ada majikan yang tidak sabar dalam memberi tunjuk ajar. Mereka dilayan dengan agak kasar. Ini menyebabkan pembantu rumah lari dari rumah atau berlaku penderaan.

Banyak faktor lain yang mendorong berlakunya kes lari daripada majikan. Ada antara pembantu rumah memberitahu bahawa di dalam feri

yang baru juga diberitahu oleh pembantu rumah yang sudah lama bekerja supaya menghubungi rakan senegara yang berada di sini dengan memberi nombor telefon rakan dari Indonesia yang menetap lama di Malaysia. Mereka ini boleh menjadi 'pelindung'. Tujuan mereka berbuat demikian ialah untuk mendapat sokongan moral sekiranya mereka dizalimi atau dianiaya oleh majikan.

Oleh itu, pembantu rumah yang baru tiba akan memberitahu majikan bahawa mereka mempunyai ramai saudara mara sebagai simbol kekuatan dan sokongan moral supaya mereka tidak dipermainkan. Orientasi sebegini sedikit sebanyak mencorakkan pemikiran pembantu rumah asing bahawa majikan di Malaysia bersifat tidak prihatin dan apabila berlaku 'kekerasan' mereka mesti melarikan diri.

Tujuan mereka datang bekerja di Malaysia bukanlah untuk mendapatkan pendapatan semata-mata. Ada antaranya datang untuk berseronok atau melancong. Tetapi, apabila tiba di rumah majikan, mereka dikurung dan jarang dapat keluar sedangkan mereka masih muda dan ingin hidup bebas dan berkawan.

Jadi, tidak hairanlah jika setiap bulan pembantu rumah asing meminta cuti daripada majikan untuk dihantar ke rumah 'saudara-mara' mereka. Berikutan berjumpa saudara-mara yang juga datang bekerja di negara ini, mereka mendapat input baru. Mereka berbincang mengenai suasana bekerja, gaji, majikan dan lain-lain. Akhirnya, ini membawa kepada bertukar-tukar majikan dan men-

kerana mereka sukar lagi dikesan oleh pihak berkuasa. Mereka ini adalah kumpulan yang bekerja secara haram tanpa memiliki sebarang dokumen. Ini menambahkan lagi pendatang haram sedia ada.

Segelintir pembantu rumah asing pula menerima ugutan daripada suami mereka yang akan berkahwin atau sudah berkahwin lain. Selepas beberapa bulan di sini, mereka akan lari ke negara asal kerana bimbang suaminya berkahwin lain. Mereka sedikit pun tidak mengambil kira soal majikan yang kehilangan beribu-ribu ringgit untuk menguruskan kemasukan mereka sebelum ini.

Ada pula antara pembantu rumah asing yang sudah lama berada di Malaysia begitu memahami selok-belok jalan raya di bandar besar, lantas pada bila-bila masa saja mereka boleh keluar dari rumah majikan untuk mencari peluang pekerjaan baru.

Mereka jemu tinggal dengan majikan yang sama terutama selepas dua tahun bekerja. Mereka akan cuba menimbulkan kemarahan majikan dengan melakukan perbuatan yang tidak disukai oleh majikan atau enggan bekerja apabila disuruh. Oleh itu, ada pembantu rumah asing yang dipukul oleh majikan walaupun sudah lama bekerja. Padahal selama dua tahun bekerja mereka tidak pernah dipukul.

Ada pembantu rumah muda yang datang ke sini dengan tujuan untuk berkahwin. Apabila mereka mempunyai kekasih, mereka sering dihubungi oleh kekasih dan akhirnya lari meninggalkan majikan

untuk berkahwin.

Faktor seterusnya ialah ada pembantu rumah yang menjadi bahan dagangan yang mana ejen/saudaramara akan mengatur setiap tiga bulan atau beberapa bulan untuk menukar majikan kerana setiap kali pertukaran majikan dilakukan ejen/saudaramara mereka akan mendapat pembayaran baru atau sagu hati.

Jadi setiap pembantu rumah asing akan dihubungi supaya bersedia untuk dilarikan oleh orang tengah dan diberikan kepada orang lain. Ada kes pembantu rumah asing lari dan meninggalkan bayi yang sedang dijaganya ketika majikannya keluar bekerja. Pembantu rumah asing seperti ini juga sering menuntut gaji lebih tinggi daripada gaji sebelumnya. Ini mendorong pembantu rumah lari dari rumah.

Selepas berlaku kes pembantu rumah lari dan penderaan, apakah tindakan yang perlu diambil oleh pihak berkuasa? Adakah kita patut menyalahkan antara satu sama lain?

Terdapat sebilangan ejen pembantu rumah asing yang tidak berdaftar dan jika berlaku kes lari dari rumah, ejen itu tidak akan bertanggungjawab. Namun, ramai orang yang terikat dengan ejen yang tidak berdaftar kerana bayarannya lebih murah dibandingkan dengan ejen berdaftar.

Walaupun sudah ada syarat pengambilan pembantu rumah asing yang dibuat oleh Imigresen, malah ada perjanjian antara pembantu rumah asing dengan majikan, namun perjanjian yang dibuat itu dianggap oleh pembantu rumah asing seolah-olah tidak wujud. Mereka akan lari secara basu atau mudah.

Kemiskinan bukan faktor utama mereka datang bekerja di sini. Sebaliknya kedatangan mereka ialah disebabkan tarikan upah yang tinggi di Malaysia. Jarak antara Malaysia dengan Indonesia yang dekat menyebabkan ramai memilih Malaysia sebagai tempat mencari pekerjaan dan rezeki di samping faktor penolakan iaitu melarikan diri daripada masalah sosial di tempat sendiri.

Pembantu rumah asing yang datang ke Malaysia sering beranggapan dan diberitahu bahawa suasana pekerjaan di negara ini adalah mudah manakala gaji pula mahal. Ejen pekerjaan memberi syarat kepada majikan bahawa setiap pembantu rumah yang baru datang dikenakan bayaran tidak kurang daripada RM500 sebulan walaupun tidak tahu menguruskan rumah tangga dengan cekap.

Apabila tiba di Malaysia mereka mendapati kerja pembantu rumah tidaklah semudah digambarkan sebe-

ketika menuju ke negara ini mereka diorientasi oleh bekas pembantu rumah yang sudah lama berada di Malaysia. Mereka diberitahu supaya menggunakan peluang transit seperti di Johor Bahru, untuk lari daripada ejen yang membawa mereka.

Misalnya, mereka diberitahu: "Sewaktu singgah makan tengah hari di gerai makan bersama ejen, kamu hendaklah berpura-pura ke bilik air, seterusnya lari daripada ejen itu." Jika cara ini gagal, masih ada lagi cara lain. "Apabila kamu tiba di Kuala Lumpur jam 2 atau 5 pagi, kamu hendaklah menebuk pagar dawai dan lari bersama beg pakaian. Apabila dapat lepaskan diri, kamu hendaklah merayau-rayau mencari pekerjaan atau menumpang di mana-mana sebelum mencari pekerjaan. Dari situ kamu akan dapat melakukan kerja dengan dibayar gaji penuh tanpa dipotong gaji oleh pihak ejen atau pihak majikan."

Selain itu, pembantu rumah asing

cari peluang untuk bekerja di tempat lain.

Kesalahan kecil dan pertelingkahan dengan majikan dijadikan alasan untuk mencari pekerjaan di tempat lain yang lebih sesuai. Ini menyebabkan majikan enggan memberi cuti kepada pekerja kerana takut pembantu rumah asing dilarikan oleh saudara-mara dan kawan-kawan. Ada juga kawan-kawan dan saudara-mara pembantu rumah asing yang sering menelefon bertanya khabar. Pada masa yang sama mereka berusaha membantu untuk memudahkan pembantu rumah mendapat pertolongan jika diperlukan.

Justeru, sikap pembantu rumah asing yang suka menukar majikan dan pekerjaan tanpa menghiraukan kehilangan permit dan passport walaupun ada surat perjanjian dengan majikan, adalah sesuatu yang amat dikesali.

Selepas mereka lari dari rumah, tindakan susulan tidak dapat diambil

Bengkel perlu diadakan untuk mencari pendekatan mengatasi masalah berkaitan pembantu, masalah dengan ejen pembantu rumah asing dan masalah yang dihadapi Imigresen dan kedutaan Indonesia demi menjaga nama baik negara serta hubungan dengan jiran Asean

begitu mudah.

Selepas meneliti faktor-faktor itu, jelaslah bahawa apa yang dihadapi oleh pihak majikan, Imigresen, ejen dan kedutaan asing yang berkenaan (Indonesia) adalah masalah yang kompleks yang memerlukan perbincangan serius kerana ia membabitkan hubungan manusia yang rumit dan pelbagai hala.

Oleh itu, adalah dicadangkan satu bengkel/seminar perlu diadakan untuk mencari pendekatan paling sesuai bagi mengatasi masalah penderaan pembantu rumah, pembantu lari dari rumah, masalah dengan ejen pembantu rumah asing dan masalah yang dihadapi oleh Imigresen dan kedutaan Indonesia demi menjaga nama baik negara dan hubungan dengan jiran Asean.

Prof Dr Fatimah Daud ialah pensyarah di Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya.